

25/06/2003

Undur atau tidak dipilih (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan wakil rakyat yang tidak boleh melakukan sesuatu untuk kepentingan masyarakat atau berasa sudah tidak popular lagi, supaya mengundurkan diri.

"Ya, kalau dia berasa dia tak boleh buat sesuatu, dia perlu undur diri.

Saya sebut bahawa akan tiba masanya seseorang itu mesti undur.

"Jadi dia harus terima sama ada secara sukarela dia undur atau dia tak dipilih, itu kita kena terima," kata Perdana Menteri pada sidang media di

lobi Parlimen di sini, semalam.

Dr Mahathir ditanya sama ada keputusannya untuk bersara yang dibuat ketika masih lagi berada di puncak kerjaya dan tidak menunggu sehingga dihalau keluar atau tidak popular lagi, turut ditunjukkan kepada pemimpin lain serta wakil rakyat dalam Barisan Nasional (BN).

Ketika menggulung perbahasan pada akhir Perhimpunan Agung Umno ke-54 Sabtu lalu, Presiden Umno itu antara lain menyebut:

"Saya diajar emak saya apabila makan tengah sedap, kena berhenti. Saya ingat nasihat itu dan membuat keputusan untuk berhenti semasa tengah sedap

(selesa) menjadi Perdana Menteri dan Presiden Umno.

"Jangan berhenti apabila dihalau keluar, tidak popular, merosakkan parti

dan saya bersyukur Umno telah dipulihkan dengan baiknya."

Mengenai tindakan sesetengah wakil rakyat yang jarang melawat kawasan atau hadir pada sidang Dewan Rakyat, Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata semua faktor itu akan diambil kira oleh presiden parti masing-masing dalam pemilihan calon pada pilihan raya umum akan datang.

Menjawab soalan wartawan Abu Dhabi TV mengenai pendirian Malaysia di rantau ini selepas Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih kepemimpinan negara, Dr Mahathir berkata dasar kerajaan sama seperti sekarang apabila beliau mengundur diri nanti.

"Di sini kita amalkan secara kolektif melalui Kabinet apabila membuat keputusan. Maka keputusan dibuat oleh Kabinet dan setiap orang patuh kepada Kabinet. Bukan Perdana Menteri seorang saja... sudah tentu Perdana

Menteri mungkin mengemukakan idea tetapi jika Kabinet tidak bersetuju, idea itu tidak diterima.

"Jadi inilah dasar kerajaan dan cara kerajaan mengendalikan sebarang keadaan ditentukan oleh Kabinet. Kebanyakan anggota Kabinet masih ada di situ (dikekalkan). Selain itu, kita adalah anggota sebuah parti dan dasar

parti kekal walaupun pemimpin bertukar. Jadi saya tak khuatir," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau mempunyai penuh keyakinan terhadap Abdullah

kerana mereka sudah bekerjasama begitu lama dan tahu pendirian masing-masing dalam Kabinet.

"Saya tiada masalah bekerja dengan beliau. Jadi saya berpendapat beliau

amat sesuai untuk mengambil alih," katanya.